

**Usahawan Wanita Perlu Luaskan Pasaran Ke Peringkat Global - Rosmah
Bernama
15 September , 2011**

PETALING JAYA, 15 Sept (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor menyeru usahawan wanita di Malaysia agar meluaskan pasaran ke peringkat Asean dan negara seperti China, India serta Eropah.

Beliau berkata kejayaan tidak harus diraih hanya di peringkat nasional kerana apa yang penting, usahawan wanita perlu keluar daripada kepompong sendiri setaraf wanita di negara maju.

"Saya percaya dengan daya kreativiti yang tinggi, komitmen, disiplin, ketabahan serta fokus, pasti akan mencapai kejayaan luar biasa sehingga mampu menerokai peringkat global serta meletakkan mercu tanda supaya setaraf dengan wanita-wanita negara maju," katanya ketika berucap pada majlis ulang tahun Persatuan Penjana Usahawan Wanita Malaysia (PPUWM) dan Anugerah Usahawan Wanita Cemerlang Malaysia di Sunway malam Khamis.

Rosmah, yang juga merupakan Penaung Kehormat PPUWM, berkata wanita era pasca merdeka tidak lagi terhad sebagai pengurus rumah tangga, suri rumah atau ibu semata-mata, sebaliknya mereka juga adalah pemangkin ekonomi negara.

Beliau turut menyokong aktiviti serta program anjuran PPUWM kerana latihan dan pendidikan merupakan salah satu aspek kritikal dalam proses pembangunan usahawan wanita.

Pada majlis itu, PPUWM turut memberi Anugerah Wanita Paling Berjaya 1Malaysia kepada Rosmah dan Anugerah Sumbangan Komuniti Asia Cemerlang kepada Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=613858>